

RM5000 MENANTI JUARA BOLA SEPAK TERBUKA DI UUM

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 26 Oktober 2010 16:40

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

26 OKTOBER 2010 / 18 ZULKAEDAH 1431H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Samsudin Oli Mohamed

RM5000 MENANTI JUARA BOLA SEPAK TERBUKA DI UUM

UUM OLINE: Liga Bola Sepak Sembilan sebelah Terbuka Kedah di Universiti Utara Malaysia (UUM) pada 30 Oktober ini menawarkan hadiah RM5000 kepada pasukan yang berjaya dinobatkan sebagai juara.

Manakala bagi pasukan Naib Johan akan membawa pulang wang tunai RM3000 dan kalah separuh akhir RM700.

Menurut Pengarah Pusat Sukan Shafferi Rejab, pertandingan secara liga ini terbuka kepada semua pasukan negeri dan kelab-kelab bola sepak termasuk negara jiran.

Katanya pada tahun lepas sebanyak 52 pasukan mengambil bahagian termasuk pasukan dari Thailand.

"Saya berharap selain daripada penyertaan dalam pertandingan yang akan diadakan pada 30 Oktober ini sempena Konvokesyen UUM ke 23 peminat-peminat sukan ini akan memenuhi Stadium Kompleks Sukan universiti ini," katanya.

Mereka yang berminat untuk menyertai pertandingan ini boleh menghubungi talian 015-4331974 (Izham Mustafa).

Habis.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3013/3661/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my

Disclaimer: